

Catatan dan Deskripsi Istilah-istilah yang Berkaitan dengan Sagu dalam Masyarakat Melanau

Notes and Description of the Terms Related to the Sago among the Melanau

CHONG SHIN

ABSTRAK

Sagu, pada suatu ketika dahulu merupakan penyumbang ekonomi utama negeri Sarawak. Kini perusahaan ini kian ditinggalkan oleh masyarakat Melanau susulan daripada kemerosotan harga dan kekurangan permintaan. Makalah ini telah mendokumentasikan dan menghuraikan istilah-istilah berkaitan dengan aktiviti persaguan di kalangan suku Melanau. Istilah yang dikumpulkan dibahagikan kepada empat kategori, iaitu (1) tumbuhan dan taksonominya; (2) proses penuaian; (3) aktiviti memproses dan produk makanannya; (4) aspek etno-budaya yang berkaitan. Huraian ke atas kelompok istilah persaguan ini daripada pelbagai aspek, misalnya linguistik, etimologi, etnografi dan teknologi. Kajian yang dilakukan dengan kaedah wawancara dan observasi langsung mendapati bahawa banyak istilah persaguan tradisional kian dilupakan masyarakat Melanau kesan daripada kemalapan sistem ekonomi ini. Berkemungkinan besar pada generasi akan datang, kata-kata ini berpotensi menjadi kata arkaik dalam pengetahuan Melanau.

Kata kunci: Sagu; terminology; istilah; Melanau; Sarawak

ABSTRACT

Previously, sago production gained significant economic importance in Sarawak. However, this production declined recently when this commodity's market price fell. This study is an attempt to describe the terminology of Metroxylon sago among the Melanau community. The description of the sago terms divided into four categories, namely: (1) The plant and its taxonomy; (2) The Harvesting Process; (3) Processing sago and its products; and, (4) Ethno-cultural Terms. The elaboration covers the aspect of linguistics, etymology, ethnography and technology. The research which based on data collected in a qualitative research project, featuring face to face interviews in situ learnt that many of these lexical items gradually ignored by the younger generation. Probably, certain terms will become archaic words in the future.

Keywords: Sago; terminology; istilah; Melanau; Sarawak

PENGENALAN

Pohon rumbia (*Metroxylon* spp.) tumbuh di latitude antara 17°S dan 15-16°N, bermula dari negara Thai, Semenanjung Malaysia dan Indonesia hingga ke Mikronesia, Fiji, Samoa di lautan Pasifik (McClatchey et al. 2006). Di bahagian timur Indonesia (seperti Maluku dan New Guinea), pohon rumbia diproses dan dijadikan makanan ruji oleh masyarakat zaman dulu. Di Sarawak, pohon rumbia spesies *Metroxylon sago* dijumpai di kawasan paya di sepanjang delta di antara Sungai Rejang dan Saribas, misalnya daerah Matu, Oya, Dalat, Mukah, Balingian, Saratok, Beladin dan Pusa' (Jackson 1976); lihat Peta 1. Pada pertengahan abad ke-19, industri sagu merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Sarawak kerana hampir separuh daripada produk sagu di dunia diimport dari Sarawak. Namun demikian, penghasilan sagu mula menyusut mulai

tahun 1950-an kerana kejatuhan harga komoditi ini. Sejak itu, ramai pengeluar sagu telah meninggalkan sektor ini dan berkecimpung dalam sektor ekonomi lain, misalnya pembalakan, di pelantaran minyak, sektor perikanan dan sebagainya. Kini, sagu masih dihasilkan secara berskala kecil dengan teknik moden dan tradisional untuk kegunaan tempatan.



PETA 1. Kawasan pertumbuhan pohon rumbia di Sarawak

Kajian ini dihasilkan berdasarkan data yang dikumpulkan dengan pendekatan kualitatif, iaitu melalui wawancara bersemuka dengan informan dan observasi langsung. Setelah mengenal pasti kawasan kajian, pengkaji mengunjungi kampung berkenaan dan mewawancarai informan berkenaan dengan sagu, misalnya tumbuhan, peralatan untuk menghasilkan sagu, proses penghasilan sagu, hasil produk sagu, aspek etnografi berkaitan sagu dan sebagainya. Dalam kajian ini, dua kampung Melanau di Mukah yang dikunjungi, iaitu Kampung Tabo dan Kampung Telian Tengah. Walaupun terdapat sebuah kilang sagu moden dibina berhampiran dua kampung ini, pengkaji bertumpu kepada aspek perusahaan yang tradisional sahaja. Wawancara telah dilakukan dengan Naime bt. Lee, Ernie bt. Sunchong dari Kampung Tabo dan Tommy Black dari Kampung Telian Tengah. Semasa mengumpul data, informan ditanyakan tentang pelbagai informasi tentang sagu, dari pohonnya, aktiviti penebangan, pemprosesan, peralatan yang digunakan hinggalah aspek kebudayaan yang berkaitan. Mereka diminta menyebutkan kata-kata tersebut dalam bahasa Melanau, dalam kes ini, variasi Melanau Mukah; lihat Chou (2002). Sebutan tersebut kemudian dicatatkan dengan menggunakan simbol fonetik. Namun demikian, data dalam makalah ini dipersembahkan dalam huruf rumi dengan pernyataan tentang simbol fonetik yang digunakan.

PENGENALAN SUKU MELANAU

Di Sarawak, perusahaan sagu yang secara tradisional dilakukan oleh suku Melayu dan Melanau. Di antaranya, suku Melanau merupakan lebih dominan dalam bidang ini. Menurut informan, kehidupan suku Melanau tidak dapat dipisahkan daripada “sagu”. Boleh dikatakan bahawa dari lahir hinggalah ke mati, kebudayaan kehidupan mereka berkait erat dengan “sagu”. Bahagian ini menghuraikan suku Melanau daripada aspek populasi, distribusi, bahasa dan ekonomi agak mempunyai gambaran yang jelas tentang suku ini.

Di Sarawak, suku Melanau berjumlah kira-kira 119,897 orang (Banci Penduduk 2010) dan kebanyakannya tersebar di pesisir pantai Sarawak yang berpaya, dari Bintulu ke delta Rejang. Terdapat juga sebahagian kecil daripada mereka tinggal di kawasan pedalaman seperti di Kanowit dan Sibui; lihat Peta 2. Secara spesifik, kawasan Melanau

yang tradisional di Sarawak adalah: Rejang, Paloh, Belawai, Daro, Matu, Igan, Oya, Mukah, Bintulu, Dalat, Medong, Kut, Narub, Balingian, Kanowit dan Tatau (Yasir 1987). Seawal empat ratus tahun lalu, Sultan Brunei yang menguasai perdagangan sagu di perairan Sarawak telah melantik suku Melanau sebagai wakil pemungut cukai dan mereka ditempatkan di beberapa muara sungai seperti Oya dan Mukah (Morris 1978).


Walaupun komuniti Melanau memainkan pelbagai peranan dalam sejarah Sarawak, namun kajian yang dilakukan ke atas suku ini masih terbatas. Masih tinggal banyak persoalan yang belum terjawab, terutamanya daripada segi klasifikasi suku dan linguistik. Contohnya terdapat pelbagai hipotesis tentang hubungan suku Melanau dengan etnik lain di Sarawak, misalnya dengan suku Kayan (MacDonald 1985), Kajang (Clare 1972 dalam Morris 1978), Kejaman, Lahana dan Sekapan (Blust 1974). Dalam sebuah kajian kontemporari oleh Chou (2002), yang kemudiannya dilengkapi oleh Rensch (2012), telah mengenal pasti enam dialek Melanau, seperti berikut:

A	Medong
B	Sungai Ud
C	Dalat Igan
D	(1) Balingian (2) Mukah Oya
E	Matu Rejang

F	Kanowit Tanjong
---	--------------------

Suku Melanau yang menuturkan dialek dari (A) hingga (E) tinggal di kawasan pesisir delta dan muara sungai Rejang manakala penutur dialek (F) tinggal di kawasan pedalaman sungai Rejang (ialah di Kanowit dan Kapit, kira-kira 200km dari pesisir pantai). Kedua-dua kelompok ini mengamalkan sistem ekonomi tradisional yang berbeza. Suku Melanau Kanowit dan Tanjong yang tinggal di pedalaman sungai terlibat dengan pertanian seperti penanaman padi dan menorah getah. Suku Melanau di persisiran pantai pula merupakan penghasil sagu yang terkenal dan sagu menjadi makanan ruji mereka. Justeru itu, sejak beberapa kurun yang lalu, terminologi “Melanau” identik dengan “sago”. Namun demikian, kesan kemajuan dalam jaringan pengangkutan, beras

dan makanan lain mudah diperoleh dan telah menggantikan sagu sebagai makanan ruji suku Melanau. Susulan dengan ketidakpastian harga sagu di pasaran dan penglibatan pemodal besar dalam bidang pemrosesan sagu, kaedah penanaman, memproses dan penyediaan sagu secara tradisional kian ditinggalkan masyarakat Melanau. Banyak ilmu watan yang berkaitan dengan bidang ini telah dilupai oleh generasi muda.



PETA 2. Daerah persebaran Bahasa Melanau di Sarawak (Rensch 2012).

TERMINOLOGI “SAGU” MASYARAKAT MELANAU

Justeru kerana kaedah memproses sagu merupakan satu industri desa yang kian pupus, makalah ini bertujuan mendokumentasikan dan menghuraikan istilah-istilah yang berkaitan dengannya. Istilah-istilah tersebut mencakupi penamaan-penamaan pada bahagian pohon rumbia, proses penuaian, tahap-tahap memproses sagu, peralatan-peralatan, hasil produk dan aspek etnolinguistik yang berkaitan.

TUMBUHAN DAN TAKSONOMINYA

Balau. Pohon rumbia daripada spesies *Metroxylon sagu*. Pohon ini umum dijumpai di Mukah, Oya, Dalat dan sepanjang pantai barat Sarawak; lihat Peta 1. Pohon rumbia mencapai tahap kematangan lebih kurang 6 tahun. Pada ketika itu, ketinggiannya mencapai 12-18m; lihat Ilustrasi 1. Min suhu maksimum dan minimum tahunan untuk tumbuhan ini ialah antara 17° C hingga 30°C. Tumbuhan

ini boleh tumbuh dalam kebanyakan tanah, dari tanah yang salirannya baik hinggalah tanah yang kurang berkualiti, seperti tanah berpasir dan tanah liat (MacClathey et al. 2006). Istilah *balau* ini merupakan kata yang mengalami inovasi leksikal. Dalam Proto Melayu-Polynesian (PMP), pohon rumbia di rekonstruksi oleh Blust sebagai *Rumbia (lihat Tryon 1994). Pada umumnya, kebanyakan bahasa dari cabang Melayu-Polinesia berkongsikan kognat set ini. Antara contoh yang dimaksudkan ialah: *lumbiya* (Cebuano), *rumbia* (Malay), *umbizo* (Kadazan), *tumba* (Gorontalo), dan *humbia* (Sangir); lihat Dutton (1994). Perlu dicatat bahawa kognat ini juga dijumpai pada bahasa Melayu-Polinesia cabang timur, contohnya *lapia* (Asilulu di Indonesia timur); lihat Collins (2007). Namun demikian, dalam bahasa Melanau (salah satu cabang bahasa Melayu-Polinesia juga), istilah rumbia ini wujud sebagai *balau*. Menurut Blust (2015), *balau* di rekonstruksi dalam Proto Melayu-Polinesia sebagai sejenis pohon yang menghasilkan balak (lihat juga Zorc 1994). Dalam Wilkinson (1932), kata *balau* dalam bahasa Melayu yang wujud dalam bentuk kerja *membalau* bermaksud ‘mengupas’, ini sejajar dengan salah satu langkah memproses sagu, iaitu mengupas kulit pohon rumbia yang telah ditebang. Jadi mungkin istilah *balau* ini telah mengalami perubahan semantik dalam bahasa Melanau. Sesungguhnya kajian lanjut seperti rekonstruksi semantik perlu dilaksanakan ke atas kata ini.



ILUSTRASI 1. Pohon *balau*, *Metroxylon sagu*

Ungun. Kulit pohon rumbia. Berwarna coklat atau kelabu dan kasar. Kulit ini akan dikupas untuk mendapatkan inti berserat yang digunakan untuk menghasilkan tepung sagu.

Tajue' (Penerangan fonetik: ejaan Rumi *e* mewakili bunyi schwa dan ' mewakili bunyi hentian glotis). Umbut pohon sagu. Terletak di bahagian tengah lingkaran pelepah pohon rumbia. Setelah pohon rumbia ditebang, bahagian batang akan dipisahkan daripada bahagian pelepah daun dengan parang. Batang tersebut akan diambil untuk diproses manakala bahagian pelepah daun yang ditinggalkan akan dibelah dan umbut yang terdapat di dalam akan dijadikan makanan.

Lawei. Tunggul pohon rumbia yang ditinggalkan. Sejenis serangga, *Euchirus longimanus* akan memilih tunggul untuk bertelur. Ulat yang ditetaskan dari telur tersebut akan membuat lubang di dalam serat tunggul. Serat tunggul juga menjadi sumber ulat mendapatkan makanan; lihat penerangan di kata *si'et*.

PROSES PENUAIAN

Susaah (Penerangan fonetik: bunyi *aa* mewakili bunyi panjang [:]). Proses membersihkan daun-daun dan tangkai kering di pohon rumbia sebelum menebang.

Tubeng (Penerangan fonetik: bunyi *e* mewakili bunyi schwa dan *ng* mewakili bunyi nasal velar). Menebang pohon rumbia. Biasanya sebatang pohon rumbia yang berusia 7 tahun sesuai untuk ditebang. Pada zaman dulu, penebangan dibuat dengan kapak namun kini gergaji rantai (chain saw) digunakan.

Mukap. Menyediakan batang rumbia untuk diproses. Selepas rumbia ditebang, pekerja akan mengasingkan bahagian daun dengan batang. Kemudian batang yang tinggal akan dikerat dengan potongan yang kira-kira 1 meter panjang dengan menggunakan gergaji rantai.

Mengeleng (Penerangan fonetik: bunyi *e* mewakili bunyi schwa dan *ng* mewakili bunyi nasal velar). Aktiviti menggolekkan keratan batang rumbia ke tebing sungai yang berdekatan. Keratan-keratan batang rumbia ini kemudian akan dimasukkan ke dalam sungai dan diikat menjadi seakan-akan sebuah rakit (lihat ilustrasi 2). Rakit tersebut akan

ditarik ke *sapan*, iaitu pondok kayu kecil yang memproses tepung sagu.

Je'tuei (Penerangan fonetik: bunyi *e* mewakili bunyi schwa dan tanda ' mewakili bunyi hentian glotis). Rakit yang diikat daripada keratan batang rumbia; lihat ilustrasi 2.

Menuda' (Penerangan fonetik: bunyi *e* mewakili bunyi schwa dan tanda ' mewakili bunyi hentian glotis). Menarik keratan rumbia dari tebing sungai ke *sapan* atau ke kilang memproses sagu.



ILUSTRASI 2. Gambar *Je'tuei* (Flach 1997)

PEMROSESAN SAGU

Paghang Tebuong (Penerangan fonetik: bunyi *e* mewakili bunyi schwa; *ng* mewakili bunyi nasal velar; bunyi *gh* mewakili bunyi geseran langit lembut). Sejenis parang panjang yang digunakan untuk memenggal batang pohon rumbia daripada bahagian daunnya.

Pipie' Balau (Penerangan fonetik: bunyi *e* mewakili bunyi schwa dan tanda ' mewakili bunyi hentian glotis). Aktiviti mengupas kulit batang rumbia. Dalam kaedah tradisional memproses tepung sagu, pekerja akan mengupas kulit tersebut dengan menggunakan beliung.

Penaghut (Penerangan fonetik: bunyi *e* mewakili bunyi schwa; bunyi *gh* mewakili bunyi geseran langit lembut). Alat pamarut yang diperbuat daripada kepingan papan yang dipacak dengan paku-paku. Paku-paku yang tajam tersebut digunakan untuk mengikis inti rumbia. Inti halus yang masih basah akan ditakung di sebuah baldi.

Pouw. Inti rumbia yang telah diparut tetapi belum ditapai lagi.

Séi (Penerangan fonetik: aksara *é* mewakili bunyi vokal depan tak bulat setengah buka). Inti rumbia yang telah diparut dan ditapis. Pada mulanya, *pouw* yang direndam dalam air akan dituangkan ke sejenis tikar (lihat *idiah*) dengan memijak-mijaknya untuk mengasingkan tepungnya (yaitu tepung sagu yang masih basah) dengan inti yang masih berserat kasar. Hasil yang tertinggal di bahagian atas *idiah* akan dibuang dan tepung sagu basah yang ditapis melalui lubang tikar akan dikumpulkan untuk diproses selanjutnya.

[*Idiah*] Sejenis tikar khas yang digunakan untuk mengasingkan serat inti rumbia yang diparut. Terdapat banyak lubang kecil di tikar tersebut untuk tujuan menghalang serat yang kasar daripada melalui lubang.

Menya' (Penerangan fonetik: bunyi *e* mewakili schwa; *ny* mewakili nasal lelangit keras; tanda ' mewakili hentian glotis). Aktiviti memijak *pou* di *idiah* untuk menapis inti rumbia yang diparut, untuk menghasilkan *séi*.

Teghusuong (Penerangan fonetik: bunyi *e* mewakili bunyi schwa; *ng* mewakili bunyi nasal velar; bunyi *gh* mewakili bunyi geseran lelangit lembut). Alat menimba air yang berbentuk kon dan mempunyai sebatang pemegang yang panjang. Alat ini digunakan untuk menimba air dari sungai untuk dituangkan ke atas *pou* ketika sedang memijak inti rumbia yang diparut di atas *idiah*.



ILUSTRASI 3. Gambar *teghusuong*.

Juliang (Penerangan fonetik: *ng* mewakili bunyi nasal velar). Lesung yang diperbuat daripada blok kayu. Digunakan untuk menghancurkan dan mencampur-gaulkan sagu basah, kelapa parut, hampas padi dan garam. Bahan-bahan ini adalah campuran dalam menghasilkan biji sagu.

Takuong (Penerangan fonetik: *ng* mewakili bunyi nasal velar). Sejenis dulang yang berbentuk cekung dan mempunyai lubang-lubang halus. Dulang ini diayun (ke kiri, kanan atau depan belakang) untuk menapis biji sagu. Biji sagu yang kasar akan tertinggal di dalam dulang; lihat Ilustrasi 4.

Kejangan (Penerangan fonetik: bunyi *e* mewakili schwa dan *ng* mewakili bunyi nasal velar). Tikar berbentuk segi empat yang digunakan untuk membentuk biji sagu yang bulat. Caranya ialah dengan menarik dan mengangkat tepi tikar ke atas dan kemudian meletak ke bawah; lihat Ilustrasi 4. Tepung sagu yang berada di tikar akan berubah menjadi bebola kecil apabila gerakan ini dibuat berulang kali. Biji sagu ini dijadikan bahan tambahan dalam makanan seperti dalam puding dan *bubble tea*.



ILUSTRASI 4. Peralatan—*takuong* dan *kejangan*

Si'et (Penerangan fonetik: tanda ' mewakili bunyi hentian glotis). Ulat sagu, iaitu larva untuk sejenis serangga *Euchirus longimanus*; lihat Ilustrasi 5. Serangga ini dinamakan *buyun* dan melahirkan telur di tunggul pohon rumbia atau batang rumbia yang terbiar. Setiap kali bertelur, serangga ini akan menghasilkan lebih kurang 200 biji telur dan apabila menetas menjadi ulat, ulat tersebut boleh membesar hingga kira-kira 6-7 sentimeter panjang. Ulat sagu

merupakan makanan istimewa dalam masyarakat Melanau, khususnya suku Melanau bukan Islam. Di tempat lain di Nusantara, misalnya di Papua New Guinea dan Maluku, ulat sago juga dimakan oleh penduduk setempat. Ulat sago boleh dimakan dengan cara memanggang, digoreng ataupun dimakan mentah. Dari segi khasiatnya, Collins dan Novotny (1991) mencatatkan bahawa: *Because sago is mostly carbohydrate, and the grub is mostly protein (14% dry mass) and fat (64% dry mass). The grub provides an essential element to the diet, in the absence of fish or meat. Not only is the protein essential, but the fat is essential for the absorption of fat-soluble vitamins, to put it another way, the diet becomes complete, except for some vitamins and minerals, with sago and the grub.*



ILUSTRASI 5. Si'et yang dijual di pasar tempatan

Linut. Sejenis “bubur sago” yang dibuat dengan cara menuangkan air suam ke dalam mangkuk yang berisikan tepung sago, iaitu *séi*. Campuran tepung sago dan air akan digaulkan sehingga menjadi bentuk “gam”. “bubur” yang melekit dan hangat ini biasanya dimakan dengan sos belacan, ikan bilis, serai dan rempah lain.

Tetubei' (Penerangan fonetik: bunyi *e* mewakili bunyi schwa dan tanda ' mewakili bunyi hentian glotis). Sejenis makanan tradisional masyarakat Melanau yang diperbuat daripada *séi*. Sagu yang basah tersebut akan dipanggang di atas kuali leper hingga kering. “biskut” sago ini biasanya sangat keras.

Tetebei (Penerangan fonetik: bunyi *e* mewakili bunyi schwa). Sejenis biskut sago yang juga dibuat daripada *séi*. Biasanya dicampur dengan kelapa kisar dan dipanggang di kuali tanpa menggunakan minyak. Makanan ini mirip dengan *tetubei'* tetapi ia lebih lembut.

Tebaloi (Penerangan fonetik: bunyi *e* mewakili bunyi schwa). Sejenis makanan ringan yang diperbuat daripada tepung sago yang bercampur dengan telur, kelapa kisar dan gula. Campuran tersebut akan diapit sehingga nipis dan dipanggang sehingga rangup.



ILUSTRASI 6. Contoh *tebaloi*

Kelitah (Penerangan fonetik: bunyi *e* mewakili bunyi schwa). Kek sago yang bercampur dengan sejenis buah hutan, iaitu *podou*. Ia dibalut dengan daun nipah dan dikukus sehingga masak.

ISTILAH ETNO-BUDAYA

Duhig. Menurut kepercayaan masyarakat Melanau, *duhig* merupakan sejenis makhluk alam ghaib yang tinggal di tanah (Appleton 2004). *Duhig* dikatakan boleh mendatangkan penyakit kepada manusia. Di tunggul pohon rumbia yang telah ditebang, juga terdapat *duhig*. sekiranya manusia melangkahi tunggul tersebut, seseorang itu akan jatuh sakit. Apabila terdapat kematian di kampung, *duhig* akan muncul dan mengganggu jenazah. Untuk melindungi jenazah daripada diganggu *duhig*, suku Melanau akan menggantungkan tikar iaitu *idiah* di depan rumah. Ini kerana menurut kepercayaan, oleh kerana *idiah* mengandungi banyak lubang kecil, maka *duhig* yang

datang akan berhenti dan cuba menghitung jumlah lubang yang terdapat di *idiah*. Cara ini dapat mengalih perhatian *duhig* kepada jenazah tersebut kerana ia akan menghitung lubang di *idiah* secara berterusan.

Dakan. Patung ukiran berbentuk manusia yang diukir dengan menggunakan inti pohon sagu. *Dakan* digunakan oleh dukun untuk mengubati penyakit (Appleton 2004). Semasa ritual “berubat” berlangsung, dukun akan memindahkan penyakit dari badan pesakit ke *dakan* dan *dakan* tersebut akan diletakkan di tebing sungai untuk dihanyutkan oleh arus air.

KESIMPULAN

Secara kesimpulan, makalah ini telah menyajikan hasil kajian awal tentang etnisiti dan pemakanan di Sarawak yang berfokus kepada “sagu” dan suku Melanau (di bawah Projek GUP-2014-026, tajaan Universiti Kebangsaan Malaysia). Esei yang bersifat deskriptif ini telah memaparkan banyak istilah persaguan Melanau yang mungkin kini kian dilupakan oleh generasi muda. Dokumentasi ini penting kerana susulan kemerosotan industri sagu pada tahun 1950-an, bidang ekonomi persaguan mula ditinggalkan oleh masyarakat Melanau. Mereka didapati mula berkecimpung dalam sistem ekonomi baru yang lain, misalnya perikanan, pertanian dan bekerja di sektor swasta dan kerajaan. Susulan daripada peningkatan kualiti hidup dan urbanisasi, aspek pemakanan, gaya hidup dan amalan kebudayaan turut berubah. Ini sudah tentu memberi kesan negatif kepada ilmu pengetahuan lokal tentang bidang ini. Pada masa akan datang, mungkin kebanyakan kosa kata yang dipaparkan di sini tidak disebutkan lagi, bahkan menjadi kata arkaik di kalangan masyarakat Melanau.

RUJUKAN

- Appleton, A. L. 2004. Acts of integration, expressions of faith: Madness, death and ritual in Melanau Ontology. Ph.D. Dissertation. Massey University.
- Blust, R. A. 1974. Proto-north Sarawak vowel deletion hypothesis. Ph.D Dissertation, University of Hawaii.
- Blust, R. A. 2015. Blust’s Austronesian comparative dictionary. From http://www.trassel2.com/acd/acd-l_A.htm
- Chou, S. H. 2002. A reconstruction of Proto Melanau. M.A. Thesis. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. 2007. *Asilulu-English Dictionary*. NUSA Volumes 51-52. Jakarta: Badan Penyelenggara Seri NUSA, Universitas Katolik Indonesia Atma Jaya.
- Collins, J. T., & Novotny, R. 1991. Etymology, entomology, and nutrition: Another word from Pigafetta. *Cakalele* 2(2): 123-132
- Dutton, T. 1994. Sago and related items in early Austronesian vocabulary. *Pacific Linguistics* C-127: 101-125.
- Flach, M. 1997. Sago palm: *Metroxylon Sagu* Rottb. Rome: International Plant Genetic Resources Institute.
- Jackson, J. C. 1976. *Sarawak: Satu Kajian Ilmu Alam tentang Sebuah Negeri yang Sedang Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Low, H. 1848. *Sarawak: Its Inhabitants and Productions*. London: Bentley.
- McClatchey, W., Manner, H. I., & Elevitch, C. R. (2006). *Metroxylon Amicarum, M. Paulcoxii, M. Sagu, M. Salomonense, M. Vitense and M. Warbugii (sago palm) Arecaceae (palm family)*. Hawaii: Permanent Agriculture Resources. <http://www.agroforestry.net>.
- MacDonald, M. 1985. *Borneo People*. Singapore: Oxford University Press.
- Morris, H. S. 1978. The Melanau. In *Essays on Borneo Societies*, edited by King, V.T. Oxford: Oxford University Press.
- Rensch, C. R. 2012. *Melanau and the languages of central Sarawak*. SIL Electronic Survey Report 2012-011.
- Tryon, D. 1994. Oceanic plant names. *Pacific Linguistics* C-127: 481-540.
- Wilkinson, R. J. 1932. *A Malay-English dictionary. (Romanized)* Mytilene.
- Yasir, A. R. 1987. *Melanau Mukah: Satu Kajian Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zorc, R. D. P. 1994. Austronesian culture history through reconstructed vocabulary (an overview). *Pacific Linguistics* C-127: 541-571.

